



MARY melancarkan rumah komuniti CSR UMS yang diserahkan kepada Hamidah.

## UMS serah rumah komuniti

UB 14.2.2018 B3

**"SYUKUR** Alhamdulillah. Saya sangat gembira kerana Universiti Malaysia Sabah (UMS) beri rumah kepada saya," kata penerima rumah komuniti projek tanggungjawab sosial korporat (CSR) UMS, Hamidah Isa dari Kampung Blok 31, Tawau pada Ahad.

Hamidah, 60, seorang sururumah berkata, beliau telah membuat permohonan untuk mendapatkan rumah sejak enam tahun lalu.

"Akhirnya, melalui usaha murni UMS dan Majlis Perbandaran Tawau, saya sudah mendapat sebuah rumah yang selesa untuk didiami bersama suami dan anak," katanya.

Beliau turut berterima kasih dan menyanyung tinggi inisiatif yang telah dimainkan oleh Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Dr Mary Yap Kain Ching yang sering

membantu golongan susah seperti dirinya.

Sementara itu, Mary dalam ucapannya berkata inisiatif untuk membina rumah komuniti dicetuskan oleh Menteri Pendidikan Tinggi Dato' Sri Idris Jusoh yang membinanya di Besut, Terengganu, yang juga merupakan kawasan parlimennya.

"Oleh itu, saya berpendapat daerah Tawau juga mesti ada rumah komuniti," katanya yang mendapat tepukan gemuruh daripada penduduk kampung.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Tawau berkata, pemberian rumah komuniti oleh UMS itu telah banyak membantu mengurangkan beban Hamidah dan keluarganya.

Dalam pada itu, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMS

Prof Dr Ismail Ali berkata, rumah yang berkeluasan 600 kaki persegi itu mempunyai tiga bilik tidur dan sebuah bilik air.

"UMS membina rumah ini dengan peruntukan sebanyak RM20 ribu dan disiapkan dalam tempoh sebulan," katanya.

Jelas beliau, Jabatan Hal Ehwal Pelajar UMS membina sebanyak empat rumah di empat daerah iaitu Kota Belud, Tawau, Sandakan dan Sipitang.

"Rumah komuniti di Kota Belud telah diserahkan kepada penerima tiga minggu lalu dan dua lagi akan diserahkan kepada penerima dalam masa terdekat," katanya.

Hadir sama pada majlis itu, Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr D Kamarudin D Mudin serta pegawai-pegawai utama dan kanan UMS.



MARY (tengah) menyampaikan replika kunci rumah komuniti CSR UMS kepada Hamidah (tiga kiri). Turut kelihatan Kamarudin (kanan).